

# BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOSE

Budesonide (64mcg/dos)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS
2. Bagaimana BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS berfungsi
3. Sebelum menggunakan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS
4. Cara menggunakan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS
5. Semasa menggunakan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS

- Rinitis (keradangan lapisan mukus di dalam hidung) bermusim dan sepanjang tahun dan rinitis bukan alahan.
- Digunakan untuk merawat ketumbuhan kecil di dalam hidung (polips hidung)
- Ia boleh mencegah polips hidung daripada tumbuh semula

## Bagaimana BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS berfungsi

Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos mengandungi sejenis ubat yang dikenali sebagai budesonide. Ia tergolong di dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai kortikosteroid. Ia berfungsi dengan mengurangkan dan mencegah bengkak dan keradangan di hidung anda

## Sebelum menggunakan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS

### Bila tidak boleh menggunakan

Anda alergik terhadap budesonide atau mana-mana bahan kandungan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos. Jika anda tidak pasti, jumpa dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos.

### *Kehamilan dan menyusu*

- Jika mengandung atau merancang untuk hamil atau menyusu, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg / dos.
- Penggunaan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dose semasa kehamilan harus dielakkan melainkan terdapat sebab-sebab yang menyakinkan. Ia boleh digunakan semasa penyusuan bayi.

### *-Sebelum mula menggunakan*

Sebelum menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos, beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda mengalami jangkitan tibi (batuk kering)
  - Anda mengalami jangkitan kulat atau virus di saluran pernafasan
- Jika anda tidak pasti, berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos.

### *-Jika menggunakan ubat-ubat lain*

Maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan atau baru-baru ini telah menggunakan mana-mana ubat. Ini termasuk ubat-ubat yang anda beli tanpa preskripsi dan ubat-ubat herba.

Maklumkan doktor jika:

- Anda menggunakan ubat untuk jangkitan kulat (seperti itraconazole atau ketoconazole)
- Anda menggunakan steroid.

## Cara menggunakan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS

### -Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa gunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg / dos sama seperti doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Baca label untuk mengingatkan anda tentang apa yang mereka katakan.

Terdapat tiada data yang mencukupi untuk mengesyorkan penggunaan Budenase AQ Nasal Spray untuk kanak-kanak.

### *Rhinitis*

-Dos biasa adalah dengan 2 kali semburan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos setiap lubang hidung pada waktu pagi. Sebagai alternatif, doktor

anda boleh meminta anda menggunakan satu semburan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg / dos ke dalam setiap lubang hidung setiap pagi dan petang.

-Doktor akan mengurangkan dos anda sekiranya simptom anda telah bertambah baik

### *Polips hidung*

-Dos biasa adalah 1 semburan Budenase AQ Nasal Spray AQ 64 mcg/dos Ke dalam setiap lubang hidung setiap pagi dan petang

### -Bila perlu digunakan

Adalah amat penting untuk menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos dengan tetap. Cuba gunakannya sebelum anda bersentuhan dengan sebarang penyebab alergi. Sebagai contoh, debunga adalah apa yang menyebabkan demam alergi, jadi anda akan lebih berisiko di luar rumah

### -Berapa lama perlu digunakan

Rawatan bagi alahan termasuk demam alahan dan untuk Polips hidung boleh berterusan sehingga 3 bulan. Anda mungkin tidak menyedari kesan-kesan sampingan ubat tersebut pada beberapa hari pertama penggunaan. Jangan berhenti menggunakan ubat. Teruskan menggunakan ubat seperti yang telah diarahkan. Jika anda masih tidak mengalami sebarang perubahan setelah beberapa hari, berjumpa dengan doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan satu dos, ambil sebaik sahaja anda teringat. Walaubagaimanapun, jika telah hampir masa untuk menggunakan dos seterusnya, tunggu sehingga waktu tersebut. Jangan menggunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang telah tertinggal.

### -Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Adalah amat penting untuk anda menggunakan dos seperti yang tertera pada label farmasi atau mengikut nasihat doctor. Anda harus menggunakan hanya sebanyak yang disyorkan oleh doktor anda; Menggunakan lebih banyak membuat gejala anda lebih teruk.

-Penyedutan dos tinggi kortikosteroid boleh menyebabkan penekanan fungsi

# BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOSE

Budesonide (64mcg/dos)

paksi hipotalamus-pituitari-adrenal (HPA)

- Jika anda menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos berlebihan, berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi secepat mungkin.

## Semasa menggunakan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini hanya disarankan untuk anda. Jangan benarkan orang lain menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

**-Rawatan jangka masa panjang:** Jika anda menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos setiap hari untuk jangka masa yang lama, doktor perlu memeriksa keadaan di dalam hidung anda (nasal mucosa) setiap 6 bulan

**-Kanak-kanak dan remaja:** Jika kanak-kanak atau remaja dipreskripsi Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos, dan menggunakan dos yang tinggi untuk jangka masa panjang, doktor perlu memeriksa kadar pembesaran golongan ini.

**-** Rawatan bersama ubat lain kadang-kadang diperlukan untuk mengatasi gejala di mata yang disebabkan oleh alergi

**-** Sekiranya dos yang lebih tinggi daripada disyorkan digunakan, ubat kortikosteroid sistemik tambahan perlu dipertimbangkan semasa tempoh tekanan atau pembedahan elektif.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos boleh menyebabkan kesan-sesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jika anda mengalami mana-mana yang berikut, berhenti menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos dan maklumkan doktor segera:

- Ruam kulit, gatal, geligata, kulit melepuh. Muka, lidah atau tekak menjadi bengkak (sukar untuk menelan). Ini adalah kesan sampingan tidak biasa.

Jika mana-mana di atas berlaku, ini adalah kerana anda mengalami reaksi alahan.

Kesan-sesan sampingan lain:

Biasa

- Bersin, hidung kering atau rasa pedih di dalam hidung. Ini boleh terjadi sejurus selepas anda menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos.
- Pendarahan di dalam hidung

Jarang berlaku

- Glaukoma (tekanan mata meningkat)

Sangat jarang berlaku

- Ulser di bahagian dalam hidung
- Penembusan membran yang memisahkan lubang hidung (septum hidung).

Jika salah satu kesan-sesan sampingan tersebut menjadi teruk, atau anda mendapat kesan-sesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel. 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public --> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos

### -Penyimpanan

- Simpan di bawah 25°C
- Jauhkan ubat daripada kanak-kanak
- Jangan gunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos selepas tamat tempoh pada pek.

### -Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi cara melupuskan ubat yang

tidak lagi digunakan. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Ampaian sekata putih, putih kekuningan yang boleh disebarluaskan semula diisi dalam 10 ml vial kaca ambar dengan pemasangan semburan hidung hidung

## Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif: Budesonide. Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos mengandungi 64 mikrogram budesonide setiap semburan.

-Bahan-bahan tidak aktif: Disodium edetate, potassium sorbate, glucose (anhydrous), microcrystalline cellulose, carboxy methylcellulose sodium, polysorbate 80, hydrochloric acid and purified water

**-Nombor MAL:** MAL11030012AZ

## Pengilang

Cipla Ltd.,  
L-139 to L-146  
Verna Industrial Estate  
Verna Goa  
India

## Pemegang Pendaftaran Produk

Cipla Malaysia Sdn. Bhd.  
Unit No: 1101, Amcorp Tower  
No. 18, Persiaran Barat  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

## Tarikh kemas kini RIMUP

29/08/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)290817/00233


# BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOSE

Budesonide (64mcg/dos)

## Cara menggunakan BUDENASE AQ NASAL SPRAY 64 MCG/DOS

### Arahan penggunaan

Bahagian-bahagian Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos



Botol dengan dos bermeter      Muncung botol      Penutup botol

### Penting

- Simpan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dose jauh dari kanak-kanak.
- Lindungi Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dose dari cahaya lampu di bawah 25°

### Sebelum menggunakan

1. Goncang botol berhati-hati, bukakan penutup botol.
2. Pegang botol seperti yang ditunjukkan di bawah dengan jari telunjuk dan jari tengah dan ibu jari di bawah botol



3. Sebelum menggunakan Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos untuk pertama kali, atau anda telah berapa lama tidak menggunakan, ikut arahan di bawah. Dengan muncung menghalau jauh daripada anda, tekan beberapa kali seperti yang ditunjukkan sehingga kabus halus keluar dari muncung



4. Tiup hidung perlahan-lahan



5. Tutup satu lubang hidung dan letakkan muncung botol seperti yang ditunjukkan. Sengetkan kepala anda dengan kedudukan tegak

6. Cuba bernafas melalui hidung dan lepaskan semburan perlahan-lahan.



7. Bernafas melalui mulut. Ulang langkah 6 dan 7 untuk membuat semburan ke dua.



8. Ulang langkah 5, 6 dan 7 untuk hidung yang lain.



### Selepas menggunakan

9. Sapu muncung botol dengan kain bersih dan tutup dengan rapi.



### Nota:


Kali pertama anda menggunakan anda boleh bersin beberapa kali. Ini adalah kerana lapisan hidung yang nipis. Ini tidak mungkin berlaku selepas beberapa dos pertama diambil.

Ubat ini boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan kepada individu hipersensitif. Jika anda mengalami sebarang pendarahan dari hidung atau mengalami sebarang rasa tidak selesa yang lain, sila beritahu doktor anda.

### Pembersihan

Budenase AQ Nasal Spray 64 mcg/dos hendaklah dibersihkan sekurangnya seminggu sekali.

### Lakukan:



1. Tolak muncung ke atas untuk menanggalkan daripada botol

2. Basuh muncung dan penutup dengan air suam. Goncang dan biarkan kering.

3. Ganti muncung dan penutup botol

4. Sekiranya muncung tersekat seperti di atas, rendam dalam air panas. Bilas dengan air sejuk. Biarkan kering. Jangan gunakan pin atau objek tajam yang lain untuk membuka sekatan muncung.